

Dampada	nurul_hanania@yahoo.com
Kepada	johari_diah@gmail.com
Pertara	Sukan tahunan di kediaman

Sahabatku Johari yang dirindui,

Apa khabarkah anak di sana? Saya dalam keadaan yang baik sahaja. Terima kasih atas e-mel yang telah awak kirimkan tempoh hari. Memang benar bahawa kavrasan kediaman saya telah dianjurkan hari sukan tahunan. Oleh sebab awak beminat untuk mengetahui kesan-kesan positif dampada hari sukan tersebut, saya rasa sangat berbesar hati untuk berkongsi:

Antara kesan positif penganjuran hari sukan tersebut ialah kami berjaya memupuk semangat kesukanan. Kita tahu bahawa semangat kesukanan ialah semangat yang bersungguh-sungguh dalam bersukan. Melalui hari sukan tersebut, semangat kesukanan dapat dipupuk kerana banyak acara dipertandingkan termasuk badminton dan bola sepak. Saya dapat melihat peserta-peserta bersemangat utuk menang.

Johari,

Seterusnya, perpaduan kaum juga telah berjaya dipupuk menerusi program tersebut. Oleh sebab kavrasan petempatan saya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum iaitu Cina, Melayu dan India, program ini secara tidak langsung mengeratkan perpaduan antara kami. Semua kaum tidak terkecuali untuk menyertai setiap acara.

Akhir sekali, hari sukan tersebut telah berjaya mencungkil bakat baharu. Kita sedia maklum bahawa bakat ialah kebolehan kurniaan Tuhan kepada manusia. Program berkenaan telah mencungkil banyak bakat kerana ada mereka yang meminati sesetengah acara sukan yang dipertandingkan. Contohnya, saya melihat sendiri kehebatan anak jiran saya yang baru berusia 13 tahun hebat mengelecek bola.

Sekian sahaja perkongsian saya tentang hari sukan tahunan kediaman saya. Saya berharap anak-rasa gembira mendengar pengalimman tersebut. Saya juga berharap anak-anak akan menyertai sebarang program sukan yang dianjurkan di tempat anak. Jaga diri baik-baik di sana, ya.

Yang benar,  
Hanania